

# HELAIAN DATA KESELAMATAN



Tarikh keluaran/Tarikh semakan 23 November 2025

Versi 2.01

## Seksyen 1. Identifikasi

**Kod Produk** : 000010025187  
**Nama Produk** : PPG NEXEON 810 WHITE  
**Cara pengenalpastian yang lain**  
00480393  
**Jenis Produk** : Cecair.

Kegunaan relevan yang dikenal pasti bagi zat atau campuran serta kegunaan yang tidak dinasihatkan

**Kegunaan Produk** : Penyalutan.  
Aplikasi profesional, Guna dengan Menyembur.

**Butir-butir pembekal** : PPG Coatings (Singapore) Pte Ltd.  
1 Cleantech Loop, CleanTech One, #04-04  
Singapore 637141  
Tel : +65 6865 3737

**Nombor telefon kecemasan (berserta waktu urusan)** : CHEMTREC +(65)-31581349 (CCN 17704)

## Bahagian 2: Pengenalan bahaya

**Klasifikasi bahan atau campuran** : CECAIR MUDAH TERBAKAR - Kategori 3  
KETOKSIKAN AKUT (oral) - Kategori 4  
KETOKSIKAN AKUT (penyedutan) - Kategori 2  
KEROSAKAN MATA ATAU KERENGSAAN MATA YANG SERIUS - Kategori 1  
KETOKSIKAN PEMBIAKAN - Kategori 1B  
KETOKSIKAN ORGAN SASARAN KHUSUS - PENDEDAHAN BERULANG -  
Kategori 2  
BAHAYA AKUATIK (AKUT) - Kategori 1  
BAHAYA AKUATIK (JANGKA PANJANG) - Kategori 1

GHS label elements, including precautionary statements

**Piktogram bahaya** :



**Kata isyarat** : Bahaya

|                    |                             |                        |                         |              |             |
|--------------------|-----------------------------|------------------------|-------------------------|--------------|-------------|
| <b>Kod Produk</b>  | <b>000010025187</b>         | <b>Tarikh keluaran</b> | <b>23 November 2025</b> | <b>Versi</b> | <b>2.01</b> |
| <b>Nama Produk</b> | <b>PPG NEXEON 810 WHITE</b> |                        |                         |              |             |

## Bahagian 2: Pengenalan bahaya

|                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|---------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pernyataan bahaya</b>                                      | : Cecair dan wap mudah terbakar.<br>Memudaratkan jika tertelan.<br>Menyebabkan kerosakan mata yang serius.<br>Maut jika tersedut.<br>Boleh merosakkan kesuburan atau janin.<br>Boleh menyebabkan kerosakan organ melalui pendedahan berpanjangan atau berulang. (sistem saraf utama (CNS), organ pendengaran)<br>Sangat toksik kepada hidupan akuatik dengan kesan kekal berpanjangan.                                                                                                   |
| <b><u>Pernyataan berjaga-jaga</u></b>                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>Pencegahan</b>                                             | : Jangan kendalikan bahan sehingga semua langkah berjaga-jaga keselamatan telah dibaca dan difahami. Pakai sarung tangan, pakaian perlindungan dan pelindung mata atau muka. Jika pengalihan udara tidak mencukupi pakai perlindungan pernafasan. Jauhkan daripada haba, permukaan panas, percikan api, nyalaan terbuka dan sumber nyalaan yang lain. Dilarang merokok. Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran. Jangan sedut wap. Basuh sebersih-bersihnya selepas mengendalikan bahan. |
| <b>Tindakan</b>                                               | : Pungut kumpul tumpahan. JIKA terdedah kepada bahan atau terkena bahan: Dapatkan nasihat atau rawatan perubatan. JIKA TERSEDUT: Pindahkan mangsa ke kawasan berudara bersih dan biarkan supaya selesa bernafas. Segera hubungi PUSAT RACUN atau doktor. JIKA TERKENA MATA: Bilas berhati-hati dengan air selama beberapa minit. Tanggalkan kanta lekap, jika ada dan dapat dilakukan dengan mudah. Teruskan membilas. Segera hubungi PUSAT RACUN atau doktor.                           |
| <b>Penyimpanan</b>                                            | : Tidak bekenaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Pelupusan</b>                                              | : Tidak bekenaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Bahaya lain yang tidak menyebabkan ia diklasifikasikan</b> | : Terkena kulit secara berpanjangan atau berulang boleh mengeringkan kulit dan menyebabkan kerengsaan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |

## Seksyen 3. Komposisi, Maklumat Ramuan

**Bahan/Penyediaan** : Campuran

### Nombor CAS/pengenal pasti lain

**Nombor CAS** : Tidak bekenaan.  
**Nombor EC** : Campuran.

| <b>Nama Ramuan</b>                                                                                    | <b>%</b> | <b>Nombor CAS</b> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|-------------------|
| Etil benzena                                                                                          | 10 - <20 | 100-41-4          |
| xylene                                                                                                | 5 - <10  | 1330-20-7         |
| Propilena glikol monometil eter                                                                       | 5 - <10  | 107-98-2          |
| pyrithione zinc                                                                                       | 5 - <10  | 13463-41-7        |
| Batu sabun                                                                                            | 5 - <10  | 14807-96-6        |
| 1H-Pyrrole-3-carbonitrile, 4-bromo-2-(4-chlorophenyl)-5-(trifluoromethyl)-                            | 3 - <5   | 122454-29-9       |
| Reaction products of 12-hydroxyoctadecanoic acid and octadecanoic acid and 1,3-phenylenedimethanamine | 0.3 - <1 | 911674-82-3       |
| medetomidine                                                                                          | <0.1     | 86347-14-0        |

## Seksyen 3. Komposisi, Maklumat Ramuan

Tidak ada ramuan tambahan, setakat yang diketahui pembekal dan dalam pemekatan yang boleh didapati, diklasifikasikan sebagai berbahaya kepada kesihatan atau persekitaran sehingga perlu dilaporkan dalam seksyen ini.

Had pendedahan pekerjaan, jika tersedia, disenaraikan dalam seksyen 8.

sub-kod mewakili bahan-bahan tanpa nombor CAS yang terdaftar.

## Bahagian 4: Langkah-langkah pertolongan cemas

### Perihalan langkah pertolongan cemas yang perlu

- Sentuhan mata** : Periksa jika memakai kanta mata dan keluarkan jika ada. Segera cuci dengan air yang banyak selama 15 minit dengan kelopak mata terbuka. Dapatkan rawatan perubatan segera.  
Sekiranya terkena mata secara tidak sengaja, elakkan daripada pendedahan langsung kepada matahari atau sumber cahaya UV yang lain kerana kerengsaan yang teruk termasuk luka terbakar mungkin berlaku. Tindak balas ini boleh dilambatkan – dapatkan rawatan perubatan segera jika sakit, kerengsaan, atau pelepasan berlaku selepas bersentuhan.
- Penyedutan** : Pindah ke kawasan udara segar. Biarkan orang tersebut hangat dan berehat. Jika tidak bernafas, jika bernafas tak menentu atau henti pernafasan berlaku, berikan pernafasan pemulihan atau oksigen oleh kakitangan terlatih.
- Sentuhan kulit** : Tanggalkan pakaian dan kasut yang tercemar. Cuci kulit sehingga bersih dengan sabun dan air atau gunakan pencuci kulit yang dibenarkan. Jangan guna pelerut atau pencair.  
Sekiranya tersentuh kulit secara tidak sengaja, elakkan daripada pendedahan langsung kepada matahari atau sumber cahaya UV yang lain kerana kerengsaan yang teruk termasuk luka terbakar mungkin berlaku. Tindak balas ini boleh dilambatkan – dapatkan rawatan perubatan segera jika sakit, kerengsaan, ruam atau pelepasan berlaku selepas bersentuhan.
- Pengingesan** : Jika tertelan, dapatkan nasihat perubatan segera dan tunjukkan bekas atau label tersebut. Biarkan orang tersebut hangat dan berehat. JANGAN paksa muntah.

### Simptom/kesan paling penting, akut dan tertunda

#### Kesan Kesihatan Akut Berpotensi

- Sentuhan mata** : Menyebabkan kerosakan mata yang serius.
- Penyedutan** : Maut jika tersedut.
- Sentuhan kulit** : Mungurangkan lemak dalam kulit. Boleh menyebabkan kekeringan dan kerengsaan kulit.
- Pengingesan** : Memudaratkan jika tertelan.

#### Gejala-gejala/tanda-tanda lampau terdedah

- Sentuhan mata** : Gejala yang teruk boleh termasuk yang berikut:  
sakit  
berair  
kemerahan

|                    |                             |                        |                         |              |             |
|--------------------|-----------------------------|------------------------|-------------------------|--------------|-------------|
| <b>Kod Produk</b>  | <b>000010025187</b>         | <b>Tarikh keluaran</b> | <b>23 November 2025</b> | <b>Versi</b> | <b>2.01</b> |
| <b>Nama Produk</b> | <b>PPG NEXEON 810 WHITE</b> |                        |                         |              |             |

## Bahagian 4: Langkah-langkah pertolongan cemas

- Penyedutan** : Gejala yang teruk boleh termasuk yang berikut:  
pengurangan berat janin  
peningkatan kematian janin  
kecacatan kerangka tulang
- Sentuhan kulit** : Gejala yang teruk boleh termasuk yang berikut:  
kesakitan atau kerengsaan  
kemerahan  
kering  
pecah-pecah  
perepuhan boleh berlaku  
pengurangan berat janin  
peningkatan kematian janin  
kecacatan kerangka tulang
- Pengingesan** : Gejala yang teruk boleh termasuk yang berikut:  
kesakitan perut  
pengurangan berat janin  
peningkatan kematian janin  
kecacatan kerangka tulang

### Tanda rawatan perubatan segera dan rawatan khas diperlukan, jika perlu

- Nota kepada doktor** : Sekiranya tersedut hasil penguraian ketika kebakaran, gejala mungkin tertangguh. Orang yang mengalami dedahan mungkin perlu diletakkan di bawah pengawasan perubatan selama 48 jam.
- Rawatan spesifik** : Tiada rawatan spesifik.
- Perlindungan untuk pemberi pertolongan cemas** : Jangan lakukan sebarang tindakan yang membabitkan risiko peribadi atau tanpa latihan yang sewajarnya. Jika disyaki wasap masih ada, penyelamat hendaklah memakai pelindung (topeng) yang sesuai atau menggunakan peralatan pernafasan swalengkap. Berkemungkinan merbahaya kepada orang yang memberi bantuan pernafasan mulut-ke-mulut. Basuh pakaian yang tercemar dengan teliti menggunakan air sebelum menanggalkannya, atau pakai sarung tangan.

Lihat Maklumat Toksikologi (Seksyen 11)

## Bahagian 5: Langkah-langkah pemadaman kebakaran

### Media pemadam kebakaran

- Media pemadam yang sesuai** : Guna bahan kimia kering, CO<sub>2</sub>, semburan air (kabut) atau busa.
- Media pemadam yang tidak sesuai** : Jangan guna jet air.

- Bahaya khusus yang timbul daripada bahan kimia ini** : Cecair dan wap mudah terbakar. Larian ke pembetung boleh menyebabkan bahaya kebakaran atau letupan. Ketika kebakaran atau jika dipanaskan, peningkatan tekanan akan berlaku dan bekas boleh pecah, dengan risiko letupan selepas itu. Bahan ini sangat toksik pada hidupan akuia dengan kesan yang berkekalan. Air pemadaman kebakaran yang tercemar dengan bahan ini mesti dibendung dan dielakkan daripada memasuki jalan air, pembetung atau longkang.

## Bahagian 5: Langkah-langkah pemadaman kebakaran

### Hasil penguraian terma yang berbahaya

: Produk penguraian mungkin termasuk bahan berikut:  
karbon oksida  
nitrogen oksida  
sulfur oksida  
sebatian berhalogen  
oksida logam

### Tindakan perlindungan khas untuk ahli bomba

: Kosongkan kawasan serta-merta dengan mengeluarkan semua orang daripada kawasan sekeliling jika kebakaran berlaku. Jangan lakukan sebarang tindakan yang membabitkan risiko peribadi atau tanpa latihan yang sewajarnya. Alih bekas daripada kawasan kebakaran jika ini boleh dilakukan tanpa risiko. Guna semburan air untuk menyejukkan bekas yang terdedah kepada api.

### Alat perlindungan khas untuk ahli bomba

: Ahli bomba perlulah memakai peralatan perlindungan bersesuaian dan peralatan pernafasan serba lengkap dengan penutup muka penuh dalam operasi mod tekanan positif.

## Bahagian 6: Langkah-langkah pelepasan tidak sengaja

### Langkah berjaga-jaga peribadi, peralatan pelindung dan prosedur kecemasan

#### Untuk kakitangan bukan kecemasan

: Jangan lakukan sebarang tindakan yang membabitkan risiko peribadi atau tanpa latihan yang sewajarnya. Kosongkan kawasan persekitaran. Halang kakitangan tidak berkaitan dan tidak dilindungi daripada masuk. Jangan sentuh atau jalan melalui bahan tertumpah. Tutup semua sumber pencucuhan. Tiada menyala, merokok atau nyalaan di kawasan bahaya. Jangan menyedut wap atau kabus. Sediakan ventilasi yang mencukupi. Pakai alat pernafasan yang sesuai apabila ventilasi tidak mencukupi. Pakai peralatan perlindungan diri yang sesuai.

#### Untuk pasukan tindak balas kecemasan

: Jika pakaian khas diperlukan bagi mengendalikan tumpahan, perhatikan apa jua maklumat dalam Seksyen 8 tentang bahan yang sesuai dan tidak sesuai. Lihat juga maklumat dalam bahagian "Untuk kakitangan bukan kecemasan".

#### Peringatan alam sekitar

: Elakkan penyebaran bahan tertumpah dan aliran dan bersentuh dengan tanah, jalan air, longkang dan pembetung. Beritahu pihak berkuasa yang berkaitan jika produk menyebabkan pencemaran persekitaran (pembetung, aliran air, tanah atau udara). Bahan mencemar air. Boleh memudaratkan alam sekitar jika terlepas dalam jumlah yang banyak. Pungut kumpul tumpahan.

### Kaedah dan bahan bagi pembendungan dan pembersihan

#### Tumpahan kecil

: Hentikan kebocoran jika tidak berisiko. Alih bekas daripada kawasan tumpahan. Gunakan alat kalis percikan dan peralatan kalis letupan. Cairkan dengan air dan seka bersih jika terlarut air. Sebagai alternatif, atau jika tidak terlarut air, serap dengan bahan kering yang lengai dan isikan dalam bekas pelupusan bahan buangan yang wajar. Buang melalui kontraktor pelupusan sisa yang berlesen.

#### Tumpahan besar

: Hentikan kebocoran jika tidak berisiko. Alih bekas daripada kawasan tumpahan. Gunakan alat kalis percikan dan peralatan kalis letupan. Pendekatan lepas dari arah angin bertiup jauh dari kamu, bukan ke arah kamu. Cegah kemasukan ke dalam pembetung, aliran air, basemen atau ruang terbatas. Siram tumpahan ke dalam loji perawatan efluen atau teruskan seperti berikut. Bendung dan kumpul tumpahan dengan bahan serap tidak mampu bakar seperti pasir, tanah, vermikulit dan tanah diatom, dan letakkan dalam bekas untuk pembuangan mengikut

## Bahagian 6: Langkah-langkah pelepasan tidak sengaja

peraturan tempatan (lihat Seksyen 13). Buang melalui kontraktor pelupusan sisa yang berlesen. Bahan penyerap yang tercemar boleh mendatangkan bahaya yang sama seperti produk tertumpah. Nota: Lihat Seksyen 1 untuk maklumat hubungan kecemasan dan Seksyen 13 untuk pelupusan sisa.

## Bahagian 7: Pengendalian dan penyimpanan

### Langkah berjaga-jaga bagi mengendalikan dengan selamat

#### Langkah perlindungan

: Pakai kelengkapan perlindungan peribadi bersesuaian (Lihat Seksyen 8). Elakkan pendedahan - dapatkan arahan khas sebelum menggunakannya. Elakkan pendedahan semasa hamil. Jangan kendalikan bahan sehingga semua langkah berjaga-jaga keselamatan telah dibaca dan difahami. Jangan terkena mata atau pada kulit atau pakaian. Jangan menyedut wap atau kabus. Jangan inges. Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran. Guna hanya dengan ventilasi mencukupi. Pakai alat pernafasan yang sesuai apabila ventilasi tidak mencukupi. Jangan masuki kawasan simpanan dan ruang-ruang terkurung kecuali ia mempunyai ventilasi yang mencukupi. Simpan di dalam bekas asal atau bekas lain yang diluluskan yang diperbuat daripada bahan yang sesuai, tutup ketat apabila tidak digunakan. Simpan dan guna jauh daripada haba, percikan api, nyalaan terbuka atau sebarang punca penyalan lain. Guna peralatan elektrik kalis letupan (ventilasi, pencahayaan dan mengendali bahan). Guna hanya alat yang tidak mengeluarkan percikan api. Ambil langkah peringatan terhadap nyahcas elektrostatik. Bekas kosong mengandungi sisa produk dan boleh menjadi berbahaya. Jangan guna semula bekas.

#### Nasihat tentang aturan kebersihan pekerjaan umum

: Makan, minum dan menghisap rokok harus dilarang dalam kawasan di mana bahan ini dikendalikan, disimpan dan diproses. Para pekerja harus membasuh tangan dan muka sebelum makan, minum dan menghisap rokok. Tanggalkan pakaian yang tercemar dan peralatan perlindungan sebelum masuk tempat makan. Lihat juga Seksyen 8 untuk maklumat tambahan tentang langkah kebersihan.

#### Syarat-syarat bagi penyimpanan yang selamat, termasuk apa-apa ketakserasian

: Simpan pada suhu berikut: 0 hingga 35°C (32 hingga 95°F). Simpan mengikut peraturan tempatan. Simpan di dalam kawasan yang berasingan dan dibenarkan. Simpan di dalam bekas asal yang terlindung dari pancaran terus cahaya matahari dalam kawasan kering, sejuk dan pengudaraan yang baik, jauh daripada bahan tidak sesuai (lihat Seksyen 10) dan makanan dan minuman. Simpan di tempat berkunci. Hapuskan semua sumber nyalaan. Asingkan daripada bahan pengoksida. Simpan bekas tertutup rapat dan terkedap sehingga sedia untuk diguna. Bekas yang telah dibuka mesti dikedap semula dengan teliti dan disimpan menegak untuk mencegah kebocoran. Jangan simpan dalam bekas tidak berlabel. Guna kaedah pengurangan yang sesuai untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar. Lihat Bahagian 10 untuk bahan yang tidak serasi sebelum mengendali atau mengguna.

**Bahagian 8: Kawalan pendedahan dan perlindungan diri**Parameter kawalanHad Pendedahan Pekerja

Etil benzena

**Workplace Safety and Health Act  
(Singapore, 1/2025)**

PEL (long term) 8 jam: 100 ppm.

PEL (long term) 8 jam: 434 mg/m<sup>3</sup>.PEL (short term) 15 minit: 543 mg/m<sup>3</sup>.

PEL (short term) 15 minit: 125 ppm.

xylene

**Workplace Safety and Health Act  
(Singapore, 1/2025) [Xylene]**

PEL (long term) 8 jam: 100 ppm.

PEL (long term) 8 jam: 434 mg/m<sup>3</sup>.PEL (short term) 15 minit: 651 mg/m<sup>3</sup>.

PEL (short term) 15 minit: 150 ppm.

Propilena glikol monometil eter

**Workplace Safety and Health Act  
(Singapore, 1/2025) [Propylene glycol  
monomethyl ether]**

PEL (long term) 8 jam: 100 ppm.

PEL (long term) 8 jam: 369 mg/m<sup>3</sup>.PEL (short term) 15 minit: 553 mg/m<sup>3</sup>.

PEL (short term) 15 minit: 150 ppm.

Batu sabun

**Workplace Safety and Health Act  
(Singapore, 1/2025)**PEL (long term) 8 jam: 2 mg/m<sup>3</sup>.

Reaction products of 12-hydroxyoctadecanoic acid and octadecanoic acid and 1,3-phenylenedimethanamine

**ACGIH TLV (Amerika Syarikat)**TWA: 3 mg/m<sup>3</sup> (Nisbah ternafas).TWA: 10 mg/m<sup>3</sup> (Debu keseluruhan).**Langkah pemantauan  
yang disyorkan**

: Rujukan harus dibuat atas piawai pemantauan yang berkenaan. Rujukan kepada dokumen panduan negara bagi kaedah penentuan zat berbahaya juga dikehendaki.

**Kawalan kejuruteraan yang  
wajar**

: Guna hanya dengan ventilasi mencukupi. Guna penutup proses, pengalihudaraan ekzos setempat atau kawalan kejuruteraan lain untuk memastikan pekerja hanya terdedah kepada bahan cemar bawaan udara di bawah apa-apa had yang dicadangkan atau had statutori. Kawalan kejuruteraan juga perlu memastikan kepekatan gas, wap atau debu di bawah sebarang had bahan letupan yang lebih rendah. Guna peralatan ventilasi kalis letupan.

**Kawalan pendedahan alam  
sekitar**

: Pengeluaran daripada pengudaraan atau peralatan proses kerja hendaklah diperiksa untuk memastikan ianya mematuhi keperluan perundangan perlindungan alam sekitar. Bagi sesetengah kes, penyental wasap, penuras atau pengubahsuaian kejuruteraan terhadap peralatan proses adalah perlu bagi mengurangkan pengeluaran ke tahap yang dibenarkan.

Langkah-langkah perlindungan individu

## Bahagian 8: Kawalan pendedahan dan perlindungan diri

|                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Langkah-langkah kebersihan</b>   | : Basuh kedua tangan, lengan dan muka sehingga bersih setelah mengendalikan produk kimia, sebelum makan, merokok dan menggunakan tandas dan pada akhir waktu kerja. Teknik yang sesuai harus digunakan apabila menanggalkan pakaian yang mungkin tercemar. Basuh pakaian tercemar sebelum memakai semula. Pastikan tempat mencuci mata dan pancuran air keselamatan berdekatan dengan lokasi tempat kerja.                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>Perlindungan mata/muka</b>       | : gogal percikan bahan kimia dan perisai penuh muka.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>Perlindungan kulit</b>           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
| <b>Perlindungan tangan</b>          | : Sarung tangan kedap penentang bahan kimia, yang mematuhi piawaian yang diluluskan hendaklah dipakai pada setiap masa apabila mengendalikan produk kimia jika penilaian risiko menunjukkan ini adalah perlu. Dengan mempertimbangkan parameter yang ditetapkan oleh pengilang sarung tangan, pastikan semasa digunakan bahawa sarung tangan masih mengekalkan ciri-ciri perlindungannya. Harus diperhatikan bahawa jangka masa hingga terobos untuk mana-mana bahan sarung tangan mungkin berbeza mengikut pengilang sarung tangan. Bagi kes campuran, yang terdiri daripada beberapa zat, jangka masa perlindungan sarung tangan tidak dapat dianggarkan dengan tepat. |
| <b>sarung tangan</b>                | : Bagi pengendalian berpanjangan dan berulang, guna jenis sarung tangan seperti berikut:<br><br>Tidak disarankan: Getah nitril<br>Disyorkan: neoprena, Getah asli (lateks), getah butil, alkohol Polivinil (PVA), Viton®                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Perlindungan tubuh</b>           | : Peralatan perlindungan peribadi untuk badan perlu dipilih berdasarkan tugas yang dilakukan dan risiko yang terlibat dan perlulah diluluskan oleh pakar sebelum mengendalikan produk ini. Jika ada risiko nyalaan daripada elektrik statik, pakai pakaian pelindung anti statik. Bagi perlindungan terbesar daripada nyahcas statik, pakaian harus termasuk baju senyawa anti statik, but dan sarung tangan.                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>Perlindungan kulit yang lain</b> | : Kasut yang wajar dan apa jua langkah tambahan bagi perlindungan kulit harus dipilih berdasarkan tugas yang dilakukan dan risiko yang terbabit, dan harus diluluskan oleh seorang pakar sebelum mengendalikan produk ini.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>Perlindungan respiratori</b>     | : Pemilihan alat pernafasan mesti berdasarkan tahap pendedahan diketahui atau dijangka, bahaya produk dan had pekerjaan selamat alat pernafasan yang dipilih itu. Jika pekerja terdedah kepada kepekatan melebihi had pendedahan, mereka mesti memakai alat pernafasan yang sesuai dan diiktiraf. Guna alat penulen udara atau alat pernafasan bekal udara yang muat dengan baik yang mendapat kelulusan piawai jika risiko penilaian menunjukkan ianya perlu.                                                                                                                                                                                                           |

## Bahagian 9: Sifat fizikal dan kimia

### Rupa

|                         |                               |
|-------------------------|-------------------------------|
| <b>Keadaan fizikal</b>  | : Cecair.                     |
| <b>Bau</b>              | : Ciri-ciri.                  |
| <b>pH</b>               | : Tidak berkenaan.            |
| <b>Takat Didih</b>      | : >37.78°C (>100°F)           |
| <b>Takat kilat</b>      | : Cawan tertutup: 25°C (77°F) |
| <b>Kadar Penyejatan</b> | : Tidak tersedia.             |



Bahagian 9: Sifat fizikal dan kimia

| Kemudahbakaran (pepejal, gas) | : cecair                                                                                                                            |       |           |           |             |
|-------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|-----------|-----------|-------------|
| Tekanan Wap                   | : Tidak tersedia.                                                                                                                   |       |           |           |             |
| Ketumpatan bandingan          | : 1.45                                                                                                                              |       |           |           |             |
| Keterlarutan                  | <table><tr><th>Media</th><th>Keputusan</th></tr><tr><td>air sejuk</td><td>Tidak larut</td></tr></table>                             | Media | Keputusan | air sejuk | Tidak larut |
| Media                         | Keputusan                                                                                                                           |       |           |           |             |
| air sejuk                     | Tidak larut                                                                                                                         |       |           |           |             |
| Suhu pengautocucuhan          | : Tidak tersedia.                                                                                                                   |       |           |           |             |
